

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

FEBRUARI 2000

RLD 508 – Penilaian Impak Alam Sekitar

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini terbahagi kepada **BAHAGIAN A**, **BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C**.

Jawab **SEMUA** soalan

**BAHAGIAN A**

1. (a) Huraikan bagaimana Penilaian Impak Alam Persekitaran (PIAP) amat penting dalam perkembangan projek di negara kita.
- (b) Apakah prosedur dalam PIAP yang dijalankan di Malaysia? Bincangkan dengan ringkas langkah-langkah yang patut dijalankan dengan menggunakan satu projek sebagai contoh.
- (c) Bagaimanakah anda sebagai Perunding PIAP dapat meramalkan impak-impak atas persekitaran dari segi air, udara, bunyi bising, hakisan tanah dan sebagainya. Huraikan dengan contoh yang telah dipilih di atas.

( 25 MARKAH )

2. Berdasarkan dari senario yang diberi, sebuah projek tempat rekreasi atau peranginan akan dimajukan.
- Luasnya 1000m atas paras laut
  - Kecerunan biasanya di antara 20° hingga 40°
  - Kegunaan Tanah (Land Use) ialah 80% digunakan untuk hutan dan 20% untuk pertanian
  - Separuh kawasan ini terletak di bawah 'Water-Catchment Land'
- (a) Patutkah dan mengapakah sebuah PIAP diperlukan?
  - (b) Jika PIAP diperlukan apakah kawasan spesifik yang mesti dikaji dengan teliti oleh seorang pakar hydrologist?
  - (c) Huraikan metodologi bagaimana pakar hidrologist dapat menyelesaikan kawasan spesifik ini?
  - (d) Apakah langkah-langkah yang meringankan (mitigating measures) yang diperlukan untuk menjamin bahawa hakisan tanah dikurangkan?
  - (e) Apakah langkah-langkah yang meringankan (mitigating measures) yang diperlukan untuk menjamin bahawa banjir dikurangkan?

( 25 MARKAH )

### BAHAGIAN B

3. Adalah ditafsirkan bahawa komponen sosial merupakan tumpuan kecil dalam EIA dan ini mendesakkan tekanan supaya SIA secara khususnya dijalan dalam penilaian sosial projek pembangunan. Bincangkan.

( 25 MARKAH )

### BAHAGIAN C

4. Kajian Kesan Alam Sekeliling telah ditetapkan untuk aktiviti-aktiviti yang disenaraikan oleh Jabatan Alam Sekitar mengikut Seksyen 34A – Pindaan Akta A636. Bincangkan kekuatan dan kelemahan pelaksanaan Seksyen 34A dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

( 25 MARKAH )